# ...uzik Moden 2016/2017 UMSKAL ceriakan pelatih PDK Mutiara

...aat
...serta
...u di
...rogram
...ı supaya
...si

pengalaman muzik kepada para pelatih," kata Safiah Nikman, Penyelia PDK menyuarakan perasaannya terhadap program itu.

Beliau juga berasa amat gembira dan bersyukur atas sumbangan yang diberikan kerana beliau faham bahawa bukan mudah bagi pelajar untuk mencari dana untuk disumbangkan kepada mereka.

Pada majlis itu, Pensyarah Kursus Muzik Moden Sairi Jair menyerahkan replika cek kepada Pengerusi PDK Mutiara Sulaiman Bejo.



...hkan replika cek kepada Sulaiman.



PELATIH PDK Mutiara bergambar kenangan bersama pelajar Kursus Muzik Moden 2016/2017 UMSKAL.

# Pelajar Kursus Muzik Moden 2016/2017 UMSKAL ceriakan pelatih PDK Mutiara

PELAJAR Kursus Muzik Moden 2016/2017 Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) menyumbang derma sebanyak RM600 kepada Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Kampung Ganggarak, Mutiara sempena Program Kemasyarakatan, baru-baru ini.

Pengarah kursus Belleluck Low berkata sumbangan itu bukan sahaja atas dasar memenuhi kriteria kokurikulum, namun ingin membuktikan bahawa masyarakat masih mengambil berat terhadap insan yang istimewa.

Ahli kursus juga mengadakan pelbagai aktiviti bersama-sama warga PDK seperti aktiviti senamrobik dan sesi memperkenalkan alat muzik.

"Terima kasih kerana sudi datang. Memang sangat meriah dan bermanfaat kepada para pelatih serta kami juga, guru-guru di pusat ini. Diharap program seperti ini berterusan supaya kami boleh berkongsi pengalaman muzik kepada para pelatih," kata Safiah Nikman, Penyelia PDK menyuarakan perasaannya terhadap program itu.

Beliau juga berasa amat gembira dan bersyukur atas sumbangan yang diberikan kerana beliau faham bahawa bukan mudah bagi pelajar untuk mencari dana untuk disumbangkan kepada mereka.

Pada majlis itu, Pensyarah Kursus Muzik Moden Sairi Jair menyerahkan replika cek kepada Pengerusi PDK Mutiara Sulaiman Bejo.




SAIRI (kiri) menyerahkan replika cek kepada Sulaiman.



PELATIH PDK Mutiara bergambar kenangan bersama pelajar Kursus Muzik Moden 2016/2017 UMSKAL.